



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN  
SELASA 7 DISEMBER 2021**

<b>BIL</b>	<b>TAJUK KERATAN AKHBAR</b>	<b>KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI</b>
1. 2. 3. 4. 5.	'PERBINCANGAN MODEL PERTANIAN PINTAR DI PERINGKAT AKHIR', BH -ONLINE 69 USAHAWAN BELIA TERIMA GERAN BANTUAN AGROPRENEUR MUDA, KOMUNITI KITA, UM -42 PERKASA SISTEM MAKANAN NEGARA, NASIONAL, SH -6 PROGRAM SMART CARD PELADANG-I LEPASAN SASARAN MAFI, NASIONAL, SH -6 CEMERLANG LEPASI SASARAN 100 HARI, NASIONAL, SH -7	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN (MAFI)
6.	POWER TO ISSUE DEEP-SEA FISHING LICENCE WILL GENERATE REVENUE FOR SABAH, HOME, BORNEO POST (KK) -3	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
7.	FAMA TO PROVIDE FOOD KITS IN DISASTER RELIEF OPS, NEWS IN BRIEF, NST -13	LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (FAMA)
8. 9. 10. 11.	AGROBANK BUKA CAWANGAN DI BELURAN, EKONOMI, UM -36 BINA SISTEM HIDROPONIK DI 6 RUMAH KEBAJIKAN, MUKA DEPAN, HM -1 JANA PENDAPATAN MELALUI HIDROPONIK, LOKAL, HM -12 AGROBANK BUKA CAWANGAN KE-139, NIAGA, KOSMO -38	AGROBANK
12. 13. 14. 15. 16. 17. 18. 19. 20. 21. 22. 23. 24.	HAPPY TO EAT BOXES FISH DURING MONSOON, NEWS IN BRIEF, NST -13 'AIR PASANG KALI INI LUAR BIASA', DALAM NEGERI, UM -31 PANCING IKAN PUYU TARIKAN KE PERLIS, FORUM, UM -19 PROJEK DALAM TAMAN SASAR 100 KILOGRAM CILI SEMINGGU, BISNES SINAR, SH -31 SUMBANGAN KELUARAN PERTANIAN MEROSOT, BISNES, BH -38 PERTAHAN ILTIZAM PEWARIS LEGASI PERTANIAN NEGARA, SUARA SINAR, SH -16 'URBAN KIT' BANTU RINGANKAN BELANJA DAPUR, MUKA DEPAN, BH -1 URBAN KIT BANTU JIMAT BELANJA, JANA PENDAPATAN, NASIONAL, BH -4 PERTANIAN SUMBANG 6.8% KEPADA PERDAGANGAN NEGARA, HM -17 TELUR PUYUH GERGASI MULA LARIS, LOKAL, HM -10 KERAJAAN PERLU MANFAAT TEKNOLOGI BAHARU PERTANIAN, NASIONAL, BH -5 RAKYAT TERENGGANU BERALIH KEPADA 'IKAN KOTAK', NASIONAL, BH -5 TIBA MUSIM TENGGUJUH, 'IKAN KOTAK' JADI PILIHAN, NEGERI TERENGGANU, SH -26	LAIN-LAIN

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN  
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
7/12/2021	BERITA HARIAN	ONLINE	

## 'Perbincangan model pertanian pintar di peringkat akhir'



Nik Muhammad Zawawi (kanan) mengadakan lawatan kerja pada program pertanian di Ladang Sungai Ambat, Mersing, hari ini. NSTP/NURUL AMANINA SUHAINI

MERSING: Perbincangan berhubung tiga model pengeluaran tanaman secara tertutup yang akan diperkenalkan pada tahun depan bagi meningkatkan pengeluaran sayur-sayuran dalam negara, sudah di peringkat akhir.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Dr Nik Muhammad Zawawi Salleh, berkata setakat ini perbincangan berhubung perkara itu menunjukkan hasil positif.

"Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) memang ada peranan dalam perkara ini, tetapi saya enggan mendedahkannya lagi kerana ia membabitkan beberapa pihak, malah kita belum buat (pelaksanaan).

"Perbincangan sudah sampai ke peringkat akhir dan ia positif," katanya selepas mengadakan lawatan kerja pada program pertanian di Ladang Sungai Ambat, di sini, hari ini.

Beliau berkata demikian ketika mengulas berhubung Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) mahu memperkenalkan model pertanian pintar sebagai strategi meningkatkan pengeluaran sayur-sayuran dalam negara.

MARDI dalam laporan BH menyifatkan inisiatif itu sebagai strategi untuk meningkatkan pengeluaran sayur-sayuran dalam negara, sekali gus menangani isu kekurangan bekalan sayur disebabkan peningkatan permintaan, perubahan iklim dan bencana alam, sekali gus membantu menstabilkan harga dalam pasaran.

Ketua Pengarah MARDI, Datuk Dr Mohamad Zabawi Abdul Ghani, berkata model berkenaan boleh memberi hasil lima hingga 10 kali ganda berbanding kaedah tanaman secara konvensional dan mesra alam.

"Ia memberikan hasil tinggi, berkualiti dan jangkaan hasil lebih tepat dari segi pengeluaran sepanjang tahun tanpa gangguan disebabkan perubahan cuaca, ancaman perosak atau penyakit.

"Ia sudah dibentang dan diluluskan Lembaga Pengelola MARDI dan akan diperkenalkan pada tahun depan," katanya.

7/12/2021

UTUSAN  
MALAYSIAKOMUNITI  
KITA

42

## 69 usahawan belia terima geran bantuan Agropreneur Muda

BAGI mengembangkan perniagaan masing-masing, seramai 69 usahawan belia di Kelantan terpilih menerima geran bantuan Program Jelajah Agropreneur Muda di Pasir Puteh, Kelantan baru-baru ini.

Penyampaian geran tersebut disempurnakan Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan II merangkap Ahli Parlimen Pasir Puteh, Dr. Nik Muhammad Zawawi Salleh di pejabat Lembaga Kemajuan Pertanian Kerubau (Kada) Cherang Rotan.

Menurut Nik Muhammad Zawawi, sejak 2016 hingga November lalu, seramai 578

usahawan muda di Kelantan yang berdaya maju menerima geran bantuan dengan jumlah terkumpul kini sudah mencecah RM10.23 juta.

"Dalam tempoh sama, Kementerian berjaya membantu 7,528 orang agropreneur muda berusia 18 hingga 40 tahun di seluruh negara dengan peruntukan terkumpul mencecah RM134.3 juta," katanya.

■ **SEBAHAGIAN 69 Agropreneur Muda Kelantan yang menerima geran bantuan di Pejabat Kada Cherang Rotan, Pasir Puteh, Kelantan. - UTUSAN/TOREK SULONG**



# Perkasa sistem makanan negara

Program Smart SBB dilaksanakan untuk memastikan daya tahan sistem makanan negara kekal utuh

Oleh FARAH SHAZWANI ALI

**P**elan Tindakan Dasar Sekuriti Makanan Negara (Pelan Tindakan DSMN) 2021-2025 merupakan antara komitmen Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) terhadap sekuriti makanan negara, terutamanya dalam menangani impak Covid-19 terhadap sistem makanan.

Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Dr Ronald Kiandee berkata, pelan itu bermatlamatkan pemerkasaan daya tahan sistem makanan negara agar kekal utuh melalui beberapa inisiatif termasuk Program Smart Sawah Berskala Besar (Smart SBB).

Menurutnya, keprihatinan kerajaan terhadap isu sekuriti makanan negara juga bersandarkan kepada populasi penduduk negara yang akan terus meningkat untuk tempoh 10 tahun akan datang seiring dengan peningkatan risiko pengeluaran sumber makanan.

"Kadar Tahap Sara Diri (SSL) beras negara ketika ini berada pada paras sekitar 70 peratus, menyebabkan negara masih bergantung kepada bekalan beras import A daripada Vietnam, Thailand, Kemboja, India dan Pakistan.



Ronald (kiri) bersama Pengurus Ahli Jemaah Pengarah NAFAS, Zamri (dua dari kiri) memegang sampel beras hasil tanaman padi projek bersepadu di Kg Namdam, Kedah pada Majlis Pra Pelancaran Kad Pintar Keluarga Peladang (Peladang-i).



Ronald diberi penerangan mengenai progres tanaman padi melalui projek Smart SBB.

"Keperluan bekalan padi bagi pemrosesan beras domestik dijangka terus meningkat dan pada masa sama trend pengimporan beras dari luar negara perlu dikurangkan bagi tujuan sekuriti bekalan makanan negara, produktiviti padi di peringkat domestik perlu ditingkatkan.

"Disebabkan itu, MAFI sedang melaksanakan beberapa program berkaitan Program Smart SBB di seluruh negara seperti projek Mini Estet Padi yang diterajui LPP (Lembaga Pertubuhan Peladang) dan program Ladang Merdeka yang diterajui KADA (Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu)," katanya.

Pelaksanaan Program Smart SBB juga merupakan antara solusi yang dirangka untuk meningkatkan produktiviti industri padi dan beras negara dengan memperluaskan adaptasi teknologi, menambahkan infrastruktur dan

fasiliti sedia ada untuk meningkatkan kecekapan dan produktiviti bertaskan skala ekonomikal.

Program ini menyasarkan peningkatan purata hasil per hektar daripada 3.5 tan metrik kepada 70 tan metrik melalui Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK12) melalui pelbagai kaedah pelaksanaan seperti pertanian kontrak dan sewaan.

"Kejayaan Program Smart SBB dengan sasaran seluas 300,000 hektar secara berperingkat dapat diterjemahkan melalui pencapaian AKM (Aspirasi Keluarga Malaysia) MAFI.

"Sehingga 16 November 2021, bilangan penglibatan pesawah adalah seramai 3,811 pesawah, melebihi sasaran 1,085 dan peningkatan pendapatan pesawah sehingga 50 peratus

"Bukan sesuatu yang mudah untuk MAFI

meyakinkan para pesawah untuk sama-sama menjayakan program baharu, namun akhirnya pilihan mereka amat berbaloi," ujarnya.

Baginya, sudah sampai masa pihak swasta diberi peluang memainkan peranan menerajui industri padi dan beras negara bagi menyuntik semangat baru kepada industri padi dan beras melalui pendekatan baru dengan memanfaatkan sumber modal pembiayaan swasta semaksimalum mungkin.

Kementerianya berhasrat untuk menarik pelaburan swasta bagi menjadikan industri padi dan beras negara lebih dinamik dan berdaya saing.

Program Smart SBB Sesi 1/2021 disertai oleh 11 buah syarikat peneraju dalam membangunkan kawasan penanaman padi dengan sasaran seluas 300,000 hektar secara berperingkat.

**PUTRAJAYA** - Pelaksanaan Program Smart Card Keluarga Peladang (Peladang-i) yang melibatkan ahli-ahli Peladang di seluruh Malaysia mendapat sambutan dengan penglibatan 2,383 ahli.

Ia berjaya melepasi sasaran perlindungan kepada 2,000 ahli dan mencapai tujuan Aspirasi Keluarga Malaysia (AKM) 100 Hari.

Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Dr Ronald Kiandee berkata, Peladang-i merupakan satu instrumen yang menawarkan tiga ciri utama iaitu sebagai kad identiti keahlian Peladang, kad debit dan sebagai kad perlindungan takaful peladang.

Menurutnya, ia melibatkan ahli-ahli Peladang di seluruh negara dan merupakan satu inisiatif dan kerjasama strategik antara LPP (Lembaga Pertubuhan Peladang) bersama Agrobank.

"Selain diskaun dan rebat yang akan dilaksanakan kelak kepada pemegang kad, sebarang bentuk bantuan kerajaan termasuk bantuan insentif, subsidi, e-baucer, e-wallet dan sebagainya disalurkan melalui kad ini selari dengan Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK12) dan Dasar Agromakanan Negara 2021-2030 (DAN 2.0).

"Kad ini menjadi perlindungan khas buat semua ahli Peladang berdaftar di

## Program Smart Card Peladang-i lepsi sasaran MAFI



Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Dr Ronald Kiandee (tengah) pada Majlis Pra Pelancaran Smart Card Keluarga Peladang (Peladang-i) di Kuala Lumpur.



Smart Card Keluarga Peladang-i

### Program Smart Card Keluarga Peladang-i (Peladang-i)

- Melibatkan 2,383 ahli, melebihi sasaran perlindungan kepada 2,000 ahli.
- Lebih 920,000 ahli pertubuhan peladang bakal terma manfaat.
- Manfaat takaful sehingga RM5,000 bagi meringankan beban keluarga peladang.

seluruh negara dan membantu meringankan beban ahli dan waris jika ditimpa musibah ataupun kemalangan.

"Kerajaan melalui pembentangan Bajet 2022 juga telah mengumumkan kelulusan peruntukan RM5 juta untuk perlindungan takaful peladang yang melibatkan seramai 920,678 lebih ahli Peladang," katanya.

Mengulas lanjut, Peladang-i ini juga merupakan satu kejayaan hasil perancangan MAFI ke arah mendigitalisasikan identiti keahlian.

Malah, dalam usaha memperkasa ahli

peladang ke arah teknologi pendigitalan, kerajaan menyasarkan Peladang-i menjadi suatu medium atau platform perhubungan digital antara kerajaan kepada peladang.

"Ini menggalakkan aktiviti pembelian dilangsungkan secara tanpa tunai (cashless) ataupun tanpa sentuhan (contactless).

"Matlamat LPP adalah untuk menerajui industri pertanian dalam negara ke arah IR (Revolusi Industri) 4.0 sejaras dengan DAN 2.0 yang menerapkan ciri-ciri pemodenan dan pendigitalan dalam revolusi pertanian," ujar beliau.

# Cemerlang lepasi sasaran 100 Hari

80,000 golongan sasar terima manfaat daripada program KPI MAFI

Oleh FARAH SHAZWANI ALI

**M**eniti 100 hari Aspirasi Keluarga Malaysia (AKM), Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) terus cemerlang apabila melepasi sasaran dalam Petunjuk Prestasi Utama (KPI) yang ditetapkan.

Dalam merealisasikan pelaksanaan AKM 100 hari ini, pelbagai usaha telah dijalankan bagi mencapai tiga sasaran utama yang ditetapkan iaitu Program Meningkatkan Taraf Hidup Kumpulan Sasar dalam pemberian bantuan, insentif dan pembiayaan; Program Smart Sawah Berskala Besar (Smart SBB) dan Program Smart Card Keluarga Peladang (Peladang-i).

Menterinya, Datuk Seri Dr Ronald Kiang berkata, tiga program utama itu telah diangkat oleh MAFI bagi memenuhi teras menstrukturkan semula ekonomi negara dan meningkatkan kesejahteraan sosial.

Menurutnya, perancangan itu memberi keutamaan kepada program yang benar-benar memberikan kesan dan impak besar kepada rakyat.

"MAFI meletakkan kemakmuran dan kebajikan golongan sasar sebagai faktor utama semasa merencana KPI-KPI utama kementerian. Sukacita saya umumkan, lebih 80,000 golongan sasar telah menerima manfaat dari program KPI MAFI ini."

"Semangat 100 hari ini akan terus dijadikan asas untuk terus menyantuni kehendak golongan sasar. MAFI akan terus meletakkan kemakmuran golongan sasar sebagai keutamaan bagi memperkukuh sektor agromakanan negara, sekali gus memastikan sistem makanan negara kekal utuh sepanjang masa bagi Keluarga Malaysia," jelasnya sewaktu ditemu bual dalam Rancangan Selamat Pagi Malaysia terbitan RTM.

**11 program bantuan dan insentif**  
Program Meningkatkan Taraf Hidup Kumpulan Sasar dalam pemberian



Penyampulan Bakul Mafi Prihatin kepada nelayan.



Bantuan, insentif dan pembiayaan MAFI telah mencapai seramai 70,446 penerima dengan peratus pencapaian 140 peratus.

bantuan, insentif dan pembiayaan, MAFI telah mencapai seramai 70,446 penerima dengan peratus pencapaian 140 peratus.

Pencapaian ini kata Ronald, banyak disumbangkan di bawah program MAFI Prihatin dan usaha tetap diteruskan oleh semua jabatan dan agensi bagi memastikan beban kumpulan sasar dapat diringankan, dalam masa yang sama membantu mempromosikan produk keluaran petani dan usahawan tempatan.

Terdapat keseluruhan 11 program bantuan dan insentif yang dilaksanakan di bawah AKM iaitu Program Elaun Sara Hidup (ESH), Rezeki Tani, Rezeki Ternak, Program Insentif Logistik serta Pemasaran di bawah Industri Nanas dan Pemodenan Vessel Perikanan (Zon A dan Zon B).

Selain itu, Pengembangan Akuakultur, Peningkatan Pendapatan Golongan Petani B40 di PPK, Projek Ladang e-Satelit, Penjana Agrobank, Dana Pembiayaan Agromakanan dan MAFI Prihatin turut dilaksanakan di semua jabatan dan agensi.

"Program Elaun Sara Hidup Nelayan ini misalnya, dilaksanakan di bawah peruntukan khas Insentif Hasil Tangkapan Nelayan (IHIN) sebanyak RM140.5 juta yang melibatkan pembayaran elaun sara hidup, pembayaran insentif tangkapan ikan dan juga bencana.

"Bagi tahun 2021, pemberian ESHN adalah pada kadar RM300 sebulan yang diberikan kepada pemilik vessel perikanan dan pekerja (awak-awak) yang layak serta didaftarkan oleh Jabatan Perikanan Malaysia (DOF)," katanya.

Program Rezeki Tani pula adalah program pembasmian kemiskinan dan pe-

ingkatan pendapatan yang diselenggarakan oleh Bahagian Industri Makanan dan Asas Tani (IMAT) MAFI, yang mana pelaksanaannya menerusi bajet pembangunan Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK12) dengan kos projek sebanyak RM10 juta bagi tempoh lima tahun (2021-2025).

Manakala Program Rezeki Ternak bertujuan untuk membantu meningkatkan penternak kecil atau golongan B40 dengan peruntukan pembangunan sebanyak RM30 juta di bawah RMK12.

Sementara Program Insentif Logistik dan Pemasaran di bawah Industri Nanas pula dilaksanakan di bawah Peruntukan Program Pre-Prihatin yang diterima oleh LPNM (Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia) berjumlah RM13 juta bagi tempoh 2 tahun (2020-2021).

"MAFI melalui Jabatan Perikanan Malaysia (DOF) juga melaksanakan Pemodenan Vessel Perikanan, yang mana meliputi dua pinjaman bagi pemodenan vessel perikanan untuk Zon A dan B dengan kadar faedah 3 peratus dengan pinjaman selama 10 tahun.

"Pemodenan vessel iaitu menambah baik vessel lama kepada baharu dengan memberi bantuan peralatan mekanisasi vessel seperti alat pukut tunda, enjin, sampan dan sebagainya adalah sehingga RM5 juta untuk pemodenan vessel, manakala untuk pinjaman mekanisasi vessel sehingga RM500,000.

"DOF juga melaksanakan Program Pengembangan Akuakultur, yang mana konsep bantuan adalah Geran Padanan 30:70 (30 peratus pengusaha atau syarikat dan 70 peratus kerajaan) dengan

bantuan maksimum sebanyak RM 20,000," jelasnya.

Ujar beliau, kerajaan melalui Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) juga memperkenalkan Program Peningkatan Pendapatan Golongan B40 melalui Projek Tanaman Kontan dengan jumlah peruntukan sebanyak RM13.2 juta yang disalurkan secara berfasa kepada golongan B40 menerusi Pertubuhan Peladang (PP).

LPP juga telah memperkenalkan Projek Ladang E-Satelit yang menawarkan geran padanan 70:30 dengan nilai maksimum sehingga RM30,000 bagi setiap Pertubuhan Peladang atau ahli dan usahawan peladang dengan jumlah peruntukan sebanyak RM10 juta.

"Selain itu, Agrobank telah melaksanakan Dana Pembiayaan Penjana dalam menyediakan bantuan kewangan dalam sektor agropertanian melalui usaha sama di antara MAFI dan Agrobank. Kadar pembiayaan kepada pelanggan adalah 3.5 peratus dengan nilai pembiayaan - sebanyak RM1,000 hingga RM50,000 untuk tempoh maksimum sehingga lima tahun.

"Agrobank juga menyediakan Dana Pembiayaan Agromakanan dengan objektif untuk meningkatkan pengeluaran makanan dalam negara dan mengurangkan import makanan dari negara luar, di samping menyediakan pembiayaan bagi projek-projek dalam sektor makanan pada kos yang berpatutan.

"Kadar pembiayaan kepada pelanggan adalah 3.5 peratus untuk pembiayaan sehingga RM5 juta manakala 4.75 peratus bagi pembiayaan yang melebihi RM5 juta sehingga RM10 juta," katanya.

Selain itu jelasnya, program MAFI Prihatin yang dilaksanakan di semua jabatan dan agensi, merupakan program berbentuk sumbangan produk agromakanan dengan tujuan meringankan beban penerima sumbangan yang terjejas akibat pandemik Covid-19.

Program ini juga dapat membantu mempromosikan produk keluaran petani dan usahawan tempatan yang terjejas sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan dan dapat meningkatkan permintaan produk agromakanan di pasaran, seterusnya menjamin pendapatan petani dan usahawan tempatan.

**Program meningkatkan taraf hidup kumpulan sasar**

- Melibatkan 70,446 penerima, melebihi sasaran 50,301 penerima.
- Peruntukan RM110 juta Agrobank bagi kempen pembiayaan Dana Agromakanan.
- Sumbangan lebih RM1 juta bagi program Prihatin Peladang untuk 10,000 keluarga.
- Peruntukan RM6 juta untuk MAFI Prihatin bantu 1,19,023 penerima.

Program MAFI Prihatin yang dilaksanakan bersama jabatan dan agensi bertujuan meringankan beban penerima yang terjejas.

Headline	Power to issue deep-sea fishing licence will generate revenue for Sabah		
MediaTitle	Borneo Post (KK)		
Date	07 Dec 2021	Color	Black/white
Section	Home	Circulation	18,290
Page No	3	Readership	54,870
Language	English	ArticleSize	158 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 440
Frequency	Daily (EM)	PR Value	RM 1,320



## Power to issue deep-sea fishing licence will generate revenue for Sabah

**KOTA KINABALU:** The devolution of power from the Federal Government to the Department of Fisheries Sabah in the issuance of deep-sea fishing licence will ease the application process and generate revenue for the Sabah State Government.

The State Government officially received the empowerment letter to allow the state to issue its own licences for deep-sea fishing on Saturday.

Deputy Chief Minister cum Sabah Agriculture and Fisheries Minister Datuk Seri Panglima Dr Jeffrey Kitingan said the move would ease the application for deep-sea fishing licence.

He said Sabah would also be able to collect the revenue from the issuance of licence.

For the long term, he said Sabah's own laws on fisheries would be

enacted to ensure the power stayed in the hands of the State Government.

Jeffrey said that in response to an additional question by Tungku assemblyman Assafal P. Alian on the impact of empowering the State Government to issue deep-sea fishing licences during the question-and-answer session at the State Legislative Assembly sitting here on Monday.

To Pintasan assemblyman Fairuz Renddan's question on the government's efforts to assist farmers and fishermen who are affected by the Covid-19 pandemic, Jeffrey said RM94.8 million worth of Bantuan Sabah Prihatin had been provided to 84,443 farmers, 449 breeders and 8,437 fishermen between September 2020 and July 2021.

He said the government had

also developed Agriportal, an application system that connected producers with buyers or exporters.

In addition, he said the Federal and State Governments have provided various aids and incentives to assist marine fishermen and aquaculture operators, including RM300 monthly living allowance to fishermen, supply of subsidized diesel and petrol, an allocation of RM3.96 million to assist 305 marine aquaculture operators in the form of livestock input such as equipment, fish food and infrastructure.

He said the Sabah Fisheries Department had also allocated RM356,650 this year to 24 selected freshwater fish aquaculture operators.

On top of that, Jeffrey said his ministry through Ko-Nelayan

had implemented loan repayment moratorium under Loan Credit Scheme between March and September 2020 and from August to October 2021, which benefitted 4877 fishermen.

He said upskilling training for fishermen was conducted virtually which involved 434 participants last year and 221 participants this year.

He said the ministry also implemented Young Agropreneur Programme under the federal Ministry of Agriculture and Food Industries that benefitted 44 young entrepreneurs between 2020 and 2021.

Other assistances provided include monsoon season assistance to rubber smallholders, Supplementary Economic Activity programme, Redevelopment of Agro-Food Projects and Paddy Disaster Fund.

## Happy to eat boxed fish during monsoon

**KUALA TERENGGANU:** When the monsoon sets in, fish-loving Terengganu folk often switch to boxed fish, which is the local term for frozen fish either caught locally or imported.

Housewife Shidah Abu Bakar, 51, said although boxed fish was not as "sweet and juicy" as fresh ones, it was the best choice during the monsoon or whenever there was a sharp increase in price.

"During the monsoon, fishermen dare not go out to sea because the big waves are dangerous. This causes the price of fish to increase.

"In the old days during the monsoon, we ate dried or salted fish, but technology now allows us to enjoy frozen fish.

"For me, it is better because the nutrients are still high although they're not comparable to fresh fish."

For Khadijah Ahmad, 49, there is nothing wrong with eating boxed fish during the monsoon because her family does not have allergies or health issues, even though frozen fish does not taste as good as fresh fish.

"Only buy what you can afford. For me, it is necessary to consider nutrition and price.

"After all, honest traders will tell us which fish is fresh and which one is boxed to help us decide before buying," she said.

Rosmini Zakaria, 53, buys boxed fish only when the family, especially the children, were tired of eating chicken, eggs, tinned sardines or meat during the monsoon.



Traders at a Terengganu market showing packets of frozen fish on Sunday. BERNAMA PIC

"My husband and I prefer to go fishing in a nearby creek to get fresh fish, but sometimes, the children also want sea fish, such as *kembung* and *selar*.

"We avoid boxed fish whenever possible because we are worried about the use of preservatives, which may affect our health."

Terengganu Health director Datuk Dr Kasemani Embong said her department monitored boxed fish and had not detected any use of boric acid or formaldehyde to preserve the fish.

"Freezing can extend the shelf life of fish and meat, without the need for chemical preservatives." **Bernama**

## Fama to provide food kits in disaster relief ops

**KUALA LUMPUR:** The Federal Agricultural Marketing Authority (Fama) set up a Civil Defence Emergency Response Team (CDERT) yesterday to increase staff readiness for disasters, especially the current monsoon.

Fama director-general Datuk Zainal Abidin Yang Razalli launched the CDERT on Sunday, which was in line with the Sendai Framework for Disaster Risk Reduction 2015-2030 (Sendai Framework) that emphasises disaster risk mitigation as a shared responsibility. Fama has been tasked with providing food kits to the National Disaster Management Agency (Nadma) that will be distributed in the event of disasters. "On this basis, Fama staff need to be trained to help channel aid to those affected," he said. **Bernama**

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
7/12/2021	UTUSAN MALAYSIA	EKONOMI	36

## Agrobank buka cawangan di Beluran

**PETALING JAYA:** Agrobank telah meluaskan rangkaian di Sabah dengan pembukaan cawangan ke-139 di Beluran.

Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee berkata, kegiatan ekonomi penduduk dapat dipertingkatkan terutamanya melalui kemudahan pembiayaan yang holistik dan mampan.

“Dari 1 Januari hingga 31 Oktober 2021, sejumlah RM191 juta kelulusan pembiayaan Agrobank telah dicatatkan di Sabah. Daripada jumlah itu, RM2.8 juta pembiayaan terkumpul telah dicatatkan di Beluran yang telah memanfaatkan seramai 90 penerima.

“Langkah proaktif Agrobank membuka sebuah lagi cawangan di Sabah harus dipuji kerana sebelum ini, penduduk di Beluran terpaksa ke bank di Sandakan sejauh 82 kilometer untuk mendapatkan perkhidmatan perbankan,” katanya merasmikan pembukaan cawangan itu, semalam.



TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
7/12/2021	HARIAN METRO	MUKA DEPAN	1



TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
7/12/2021	HARIAN METRO	LOKAL	12



HUSAIN (dua dari kiri) menyerahkan plak TKHM kepada Mohd Izaha (tiga dari kanan) sambil disaksikan Abdul Rahim (dua dari kanan).



MOHD Izaha (kiri) memberi penerangan mengenai tanaman Rock Melon Hidroponik.



# Jana pendapatan melalui hidroponik

TKHM, Agrobank perkasa kelangsungan hidup rumah kebajikan



Oleh Mahaizura Abd Malik  
mahaizura@tmmetro.com.my

## Banting

Titipan Kasih Harian Metro (TKHM) menjalin kerjasama dengan Agrobank dalam membangunkan Sistem Tanaman Hidroponik di enam rumah kebajikan terpilih seluruh negara bagi membantu mereka menghasilkan sumber makanan serta menjaga pendapatan sendiri.

Inisiatif ini turut mendapat kerjasama daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) yang membantu mengenal pasti rumah kebajikan terbabit dan Jabatan Pertanian Malaysia dengan membekalkan set permulaan sistem tanaman hidroponik serta sokongan seperti kaedah penjagaan dan tip penanaman sehingga sekurang-kurangnya tiga kali tusian.

Enam rumah kebajikan yang terpilih itu ialah Madrasah Tahfiz Raudhatul Baiduri, Banting, Selangor; Pusat Latihan Perindustrian dan Pemulihan Bangi; Desa Bina Diri Mersing, Johor; Rumah Amal Kulim, Kedah; Pertubuhan Kebajikan dan Amal Rumah Teduh, Perlis dan Perlis Special Teens Centre (PeSTeC).

Setiap rumah kebajikan menerima peruntukan bermula dari RM3,000 hingga RM5,000 bergantung kepada saiz dan ruang untuk menjalankan aktiviti hidroponik.



HUSAIN (tiga dari kiri), Abdul Rahim (dua dari kiri), Mohd Izaha (kiri) bersama kakitangan Agrobank di Kebun Tanaman Rock Melon Hidroponik yang diusahakan Madrasah Tahfiz Raudhatul Baiduri.

Pengarang Kumpulan Harian Metro merangkap Pengerusi Projek TKHM Husain Jahit berkata, usaha sama dengan pihak Agrobank adalah satu kerjasama strategik dan unik yang membuka pintu serta jalan kepada rumah kebajikan termasuk rumah anak yatim dan pusat tahfiz untuk meningkatkan ketersediaan mereka dalam mendedi apa jua cabaran ekonomi demi kelangsungan hidup sehari-hari.

Melalui kaedah tanaman hidroponik ini, katanya, rumah kebajikan berkenaan mampu memanfaatkan sumber makanan hasil tik-

peluh mereka sendiri, selain memupuk minat anak kurang bernasib baik dalam bidang pertanian, sekali gus berkari.

"Di samping itu, keberhasilan projek ini juga berupaya menjadi pemangkin ekonomi yang memberi pulangan kepada rumah berkenaan.

"Kita tidak tahu bila wabak Covid-19 ini akan pulih dan jika berlarutan, pastinya akan menjejaskan kos perbelanjaan seharisan golongan ini.

"Dengan adanya bantuan dan sumbangan seumpama projek tanaman hidroponik ini serta sokongan pihak korporat seperti Agrobank dan

agensi kerajaan, mereka akan lebih bersedia menghadapi apa jua kemungkinan dan seterusnya melindungi kelangsungan hidup mereka," katanya.

Beliau berkata demikian sempena Sumbangan Sistem Tanaman Hidroponik kepada Madrasah Tahfiz Raudhatul Baiduri di kebun tanaman rock melon hidroponik milik madrasah berkenaan di Jalan Dengkil Kampung Bukit Changgang di sini, semalam.

Turut hadir, Pengarang Eksekutif (Kandungan) Harian Metro Muhammad Safar Ahmad, Pengarang

Eksekutif (Pengeluaran) Harian Metro Yusri Abdul Malek, Pengarah Wilayah Agrobank Kuala Lumpur, Selangor dan Negeri Sembilan, Abdul Rahim Ahmad serta Pengurus Madrasah Tahfiz Raudhatul Baiduri Mohd Izaha Ismail.

Pada majlis itu, Madrasah Tahfiz Raudhatul Baiduri turut menerima sumbangan zakat Agrobank bernilai RM8,400 serta Kotak Rezeki TKHM berupa pelbagai barangan keperluan dapur seperti beras, minyak masak, gula, tepung, bijan dan susu.

Sementara itu, Abdul Rahim berkata, menerusi ja-

linan kerjasama itu, mereka menyalurkan bantuan keseluruhan bernilai RM125,000 bagi projek penanaman untuk kegunaan sendiri atau dijual bagi menjamin kelestarian serta kemampunan enam institusi kebajikan terbabit.

"Program Titipan Kasih ini tepat pada masanya dan Agrobank berterima kasih kepada Harian Metro kerana sudi berkolaborasi dengan Agrobank yang saya kira sesuai dengan nadi serta mandat penubuhan Agrobank.

"Semoga platform ini dapat membantu madrasah ini serta lima badan kebajikan terpilih lain untuk memaksimumkan peluang ini sekali gus membantu meningkatkan jaminan bekalan makanan negara," katanya.

Mohd Izaha pula berkata, madrasah berkenaan yang ditubuhkan untuk anak yatim serta asnaf bukan hanya menawarkan pengajaran al-Quran dan Akidah, malah turut menerapkan aspek pertanian dan penternakan bagi menambah kemahiran serta menampung kelangsungan mereka.

"Sebahagian hasil penternaan dan pertanian yang kita jalankan, diberikan semula kepada anak-anak ini supaya dapat membeli barangan keperluan harian mereka seperti pakaian dan sebagainya.

"Alhamdulillah, terima kasih saya ucapkan kepada kedua-dua pihak Agrobank dan Harian Metro kerana dengan suntikan dana kepada kami, kita melangkah satu tapak ke depan lagi untuk memulakan projek canggih menggunakan teknologi moden dan aplikasi Internet of Things (IoT) Smart Farming yang lebih senang dipantau walaupun kita ada di luar.

"Bermula dengan tanaman rock melon secara fertigasi akhirnya selepas mendapat cetusan daripada Agrobank dan Harian Metro ini terhasilnya pokok yang ditanam secara hidroponik dalam anggaran usia tiga minggu dan kita sasarkan mengeluarkan hasil 14 Januari nanti," katanya.

“Projek ini berupaya menjadi pemangkin ekonomi yang memberi pulangan Husain”

“Semoga platform ini dapat membantu madrasah ini Abdul Rahim”

# Agrobank buka cawangan ke-139

**PETALING JAYA** – Agrobank telah menambah jumlah rangkaianannya di Sabah dengan pembukaan cawangan yang ke-139 di Beluran.

Pembukaannya dirasmikan Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Dr. Ronald Klandee baru-baru ini.

Beluran dipilih berdasarkan faktor ekonomi dan kegiatan pertanian serta industri pemprosesan makanan, khususnya menerusi sub-sektor tanaman, perikanan dan penternakan seperti perusahaan burung walit selain mendukung mandat membantu membangunkan golongan unserved dan underserved khususnya di kawasan luar bandar.

Ronald turut memuji langkah proaktif Agrobank untuk memudahkan penduduk di daerah berkenaan memandangkan mereka sebelum ini terpaksa ke Sandakan bagi mendapatkan kemudahan perkhidmatan per-

bankan holistik, yang melibatkan jarak perjalanan sejauh 82 kilometer.

"Dari Januari hingga 31 Oktober 2021, sejumlah RM191 juta kelulusan pembiayaan Agrobank telah dicatatkan di Sabah.

"Daripada jumlah itu, RM2.8 juta pembiayaan terkumpul dicatatkan di Beluran yang telah memanfaatkan seramai 90 penerima," katanya dalam satu kenyataan.

Sementara itu, Penangguh Tugas Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif, Agrobank, Khadijah Iskandar berkata, cawangan Agrobank Beluran mempunyai potensi besar dalam membantu mengukuhkan ekonomi setempat kerana kegiatan pertaniannya yang unik.

"Saya berharap cawangan ini akan membantu masyarakat berjaya dalam sektor pertanian menerusi perkhidmatan perbankan yang ditawarkan," ujarnya.



**RONALD** menandatangani plak sebagai gimik pelancaran cawangan Agrobank Beluran baru-baru ini.



PARA peniaga tetap menjalankan perniagaan mereka ketika air pasang besar di tempat letak kenderaan di Kampung Pendas Laut, Gelang Patah, Iskandar Puteri, Johor. - UTUSAN/RAJA JAAFAR ALI

Nelayan terjejas, tiada pelanggan beli hasil laut

## 'Air pasang kali ini luar biasa'

Oleh RAJA JAAFAR ALI  
utusannews@mediamulia.com.my

**ISKANDAR PUTERI:** Fenomena air pasang besar yang melanda beberapa lokasi di sekitar negeri ini turut berlaku di Kampung Pendas Laut, Gelang Patah di sini yang dinaiki air setinggi 0.8 meter.

Tinjauan *Utusan Malaysia* di kampung berkenaan mendapati, fenomena tersebut bermula

sejak pukul 11 pagi semalam sebelum air mulai surut sekitar tengah hari.

Menurut seorang penduduk, Herman Azman, 35, meskipun sudah biasa dengan fenomena itu, namun kali ini air pasang didapati amat tinggi kerana turut melimpah ke jalan raya berhampiran.

"Sejak saya tinggal di sini sembilan tahun lalu ini kali pertama air laut melimpah sehing-

ga ke jalan raya.

"Sebelum ini sudah beberapa kali air pasang besar berlaku tetapi kali ini agak luar biasa sedikit," katanya di sini, hari ini.

Kata Herman, berikutan fenomena itu, pendapatan para nelayan yang menjual hasil laut sedikit terjejas kerana ada jalan yang tidak boleh dilalui orang ramai yang mahu membeli ikan dan barangan segar lain.

"Nelayan juga tidak berani turun ke laut ketika air pasang besar dan hanya turun ketika air mulai surut," katanya.

Sementara itu, tinjauan juga mendapati, golongan kanak-kanak antara yang paling gembira bermain air sambil diawasi oleh orang dewasa di kampung tersebut. Beberapa buah kereta yang diletakkan di tempat letak kenderaan turut ditenggelami air.



**PERTANDINGAN** memancing ikan puyu anjuran sebuah Kawasan Rukun Tetangga (KRT) di Perlis. - IHSAN GRUP KRT PARLIMEN KANGAR

## Pancing ikan puyu tarikan ke Perlis

### SAUDARA PENGARANG.

**TIBA** sahaja hujung tahun, datanglah suasana cuaca sejuk di Perlis yang dipanggil Musim Timur yang menjadi petanda akan berlaku kemarau yang kebiasaannya pada awal tahun berikutnya dari Januari hingga Mac.

Semasa dalam peralihan untuk tiba musim kering, air di dalam sawah dan parit di tepi jalan raya juga beransur-ansur kekeringan.

Dalam keadaan ini, muncul banyak ikan puyu untuk makan bunga padi dalam sawah dan bunga rumput dalam parit. Ketika ini, bermulalah aktiviti memancing ikan puyu.

Disebabkan air dalam sawah selalunya bercampur dengan baja dan racun rumpai yang dimasukkan oleh para petani dalam proses mengerjakan sawah mereka, ikan-ikan puyu dalam sawah banyak berpindah ke dalam parit bersebelahannya.

Parit itu pula kebanyakannya bersebelahan jalan raya, sama ada jalan Persekutuan ataupun jalan-jalan negeri selain bersebelahan sawah.

Di kawasan parit inilah selalu menjadi tumpuan para peminat memancing untuk memancing ikan puyu. Selain ikan jenis itu, kadang-kadang ada juga umpan mata kail pemancing dimakan oleh ikan haruan.

Ini menjadikan kawasan-kawasan tersebut seperti pesta memancing. Suasana menjadi lebih meriah jika diadakan pertandingan memancing.

Di sini, saya ingin menyarankan kerajaan Perlis memasukkan aktiviti memancing ikan puyu dalam kalendar pelancongan negeri pada November dan Disember setiap tahun.

Program tersebut boleh diteruskan selepas berakhir musim memancing dengan mengadakan pula aktiviti bermain wau di dalam sawah ketika musim kemarau.

**RAMLI ISMAIL**  
Kangar, Perlis

7/12/2021

SINAR  
HARIAN

BISNES SINAR

31

Pada mulanya sekadar mengisi masa terluang kerana PKP, akhirnya mampu menjana pendapatan baharu bagi 28 peserta

# Projek dalam taman sasaran 100 kilogram cili seminggu

Oleh SITI ZUBAIDAH ZAKARAYA

## SUNGAI PETANI

**P**rojek Komuniti Fertigasi Cili Taman Peruda yang menyasarkan pengeluaran 100 kilogram cili seminggu mampu mengurangkan beban pengguna akibat kenaikan harga sayur.

Setiausaha projek, Roslan Azizan berkata, penanaman ber-konsep taman bermula Mac tahun lalu di sekitar Surau Mujahidin itu turut menjana pendapatan 28 peserta terbabit termasuk warga emas dan kariannya.

Beliau memberitahu, inisiatif yang pada mulanya hanya sekadar mengisi masa terluang kerana Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) akibat Covid-19 itu berjaya menjana pendapatan baharu penduduk di kawasan perumahan berkenaan.

"Dalam keadaan negara ma-



Sebanyak 1,000 pokok cili ditanam sekitar kawasan Surau Mujahidin Taman Peruda, di mana hasilnya dijual dengan harga murah kepada penduduk selain memenuhi permintaan pasaran berdekatan.

sih dilanda Covid-19, rakyat ber-depan masalah kos sara hidup dan harga barang mentah semakin meningkat.

"Melalui projek komuniti ini penduduk boleh mendapatkan hasil yang kami tuai dengan harga jauh lebih murah, segar dan

berkualiti," katanya.

Jelasnya, sebanyak 1,000 pokok cili diusahakan selain beberapa jenis sayur di tanah kosong di tepi surau dengan kebenaran jawatankuasanya bertujuan memfaatkannya.

Menurutnya, hasil diperoleh



Blarpuun diusahakan dalam taman, namun hasil pengeluaran amat menggalakkan.

dijual kepada penduduk, peniaga gerai dan pasar mini dengan harga berpatutan.

"Pada musim pertama, kita berjaya menuai sebanyak 260 kilogram cili, musim kedua hanya 160 kilogram kerana diserang penyakit dan musim ketiga berjaya

pasarkan 500 kilogram cili," katanya.

Tambah Roslan, melihatkan pengeluaran yang semakin meningkat, mereka berhasrat per-besarkan tanaman dengan pelbagai sayur lain termasuk bendi dan terung pada masa hadapan.

# Sumbangan keluaran pertanian merosot

Sumbangan keluaran pertanian kepada jumlah dagangan Malaysia merosot kepada 6.8 peratus tahun lalu, berbanding 13.7 peratus pada 1990.

Ketua Perangkawan Malaysia, Datuk Seri Dr Mohd Uzir Mahidin, berkata kemerosotan itu berikutan kemunculan sektor pembuatan sebagai peneraju dalam mencapai matlamat Dasar Ekonomi Baru (DEB), diikuti oleh kebangkitan ekonomi berasaskan perkhidmatan pada 1990-an seiring dengan arus pembangunan negara.

Bagaimanapun, katanya, pertanian muncul sebagai sektor kedua terpenting perdagangan Malaysia tahun lalu, mengatasi perdagangan hasil perlombongan.

"Walaupun sumbangan sektor pertanian secara relatifnya kepada ekonomi dan perdagangan Malaysia semakin mengecil dari tahun ke tahun, sektor ini kekal signifikan terutamanya sebagai pembekal utama makanan serta

bahan mentah kepada industri berasaskan sumber.

"Justeru, usaha penyelidikan perlu dipertingkatkan ke arah teknologi mampan untuk meningkatkan pengeluaran dan kualiti barangan berasaskan pertanian, seterusnya memenuhi keperluan penduduk dan permintaan pasaran dunia.

"Produk pertanian eksport utama Malaysia pada 2020 terdiri daripada minyak kelapa sawit, kayu bakau, kayu gergaji dan kayu kumal dan getah asli.

"Destinasi utama eksport barangan pertanian Malaysia ialah China, Kesatuan Eropah, dan India," katanya dalam laporan *Malaysia Trade Statistics Review* (MTSR).

Mohd Uzir berkata, Malaysia

yang dulunya adalah pengeksport bersih makanan laut, bertukar kepada pengimport bersih dengan nilai import RM3.4 billion pada 2020.

"Malaysia mengimport makanan laut terutama ikan yang di bekukan, ikan segar atau disejukkan dan kepingan isi ikan.

"Sementara itu, hasil laut yang dieksport terdiri daripada krustasea dan ikan yang dibekukan.

"Pada masa yang sama, Malaysia turut mengimport 30 hingga 40 peratus daripada

keperluan beras negara.

"Malaysia mengimport sejumlah RM2.5 bilion beras pada 2020 terutamanya dari Vietnam, India dan Pakistan," katanya.

Dalam pada itu, beliau berkata Malaysia menyumbang masing-masing 25.8 peratus dan

34.3 peratus kepada pengeluaran dan eksport minyak kelapa sawit dunia tahun lalu, selepas mendominasi perdagangan sektor pertanian negara sejak 1990.

"Negara destinasi utama eksport minyak kelapa sawit Malaysia adalah ke India, China dan Kesatuan Eropah," katanya.

Beliau menjelaskan, Malaysia pernah menjadi pengeluar getah asli utama dunia pada 1930-an, namun eksport getah asli Malaysia hanya bernilai RM3.3 bilion tahun lalu, 0.3 peratus daripada jumlah eksport.

"Malaysia mendapat manfaat daripada pandemik COVID-19 apabila muncul sebagai pengeluar utama sarung tangan getah dunia pada 2020 dengan eksport berjumlah RM35.9 bilion, meningkat 104.5 peratus tahun ke tahun dan menyumbang kepada peningkatan import getah asli," katanya.



Mohd Uzir Mahidin

# Pertahan iltizam pewaris legasi pertanian negara



ANALISIS  
MUKA 16

KHAIRIL ANWAR  
MOHD AMIN

**E**pisod tuding menuding berlaku ketika Malaysia berdepan isu harga barang naik terutama harga makanan asas.

Pengguna salahkan peniaga dan kerajaan, kerajaan salahkan orang tengah dan cuaca, orang tengah salahkan kos sara diri semakin meningkat dan inflasi, manakala golongan petani dan penternak pula salahkan harga input pertanian dengan masalah nilai mata wang negara jatuh.

Di sebalik drama menjengkelkan itu, terdapat 1,001 persoalan masih belum terjawab. Misalnya, mengikut rekod kadar kebergantungan import makanan dikeluarkan Jabatan Perangkaan Malaysia bagi tahun 2020, bekalan ayam mentah sebenarnya hampir mencapai tahap melebihi keperluan (*surplus of demand*) iaitu 95.8 peratus.

Begitu juga telur ayam, yang menunjukkan negara hanya memerlukan import 0.004 peratus untuk keperluan rakyat Malaysia bagi tahun sama. Jadi, bagaimana harga bekalan ayam dan telur ayam di pasaran domestik semakin mahal? Adakah dakwaan manipulasi orang tengah benar-benar berlaku?

Jika diteliti semula, penulis mendapati setiap rantaian pengeluaran dan perbekalan makanan asas itu berdepan masalah tersendiri.

Bermula dengan penternak yang berdepan masalah kenaikan harga makanan haiwan dan input

penternakan yang menjangkau lebih 200 peratus ketika ini. Masalah mereka semakin parah apabila kerajaan mengambil pendekatan melambakan ayam import sejuk beku atas keperluan menstabilkan harga.

Ya, memang benar langkah itu mampu menstabilkan harga untuk jangka masa pendek tetapi apabila inisiatif pengeluaran permit import pertanian (AP) sentiasa menjadi pilihan kerajaan, maka yang akan terkesan teruk ialah penternak apabila berlaku lambakan produk kelak. Begitu juga pekebun sayur.

Pengasas Malaysian Agropreneur Network, Amy Ashraff Suriadi mengakui masalah sama juga dihadapi golongan berkenaan yang berdepan kenaikan harga input pertanian seperti baja dan racun.

Sebagaimana nasib penternak ayam, sekiranya kaedah lambakan sayur import juga dipraktikkan atas alasan menstabilkan harga sayur, maka ramai pekebun sayur dijangka 'gulung tikar' apabila prestasi hasil pertanian mereka mencapai tahap memberangsangkan sekitar Mac tahun depan.

Begitu juga orang tengah. Bukan semua dalam kalangan kelompok itu bersifat cekik darah dan mementingkan diri.

Kita tidak boleh menafikan kepentingan golongan berkenaan yang membantu memastikan urusan pengedaran bagi setiap rantaian pengeluaran dan pengedaran produk makanan asas berjalan lancar.

Cuma, jika kerajaan mahu kembalikan semula slogan 'Jihad Perangi Orang Tengah' yang pernah dijulung Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob ketika beliau menjadi Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani (MAFI) sekitar

2013 hingga 2015, beliau harus berani membendung dan mengawal peranan orang tengah dalam struktur pasaran oligopsoni atau oligopoli.

Struktur pasaran itu melibatkan pemborong yang membeli daripada ramai petani dan dijual pula kepada ramai peruncit. Melalui struktur itu, pemborong yang berada dalam kelompok berkenaanlah yang mempunyai kuasa untuk mempengaruhi dan menentukan harga pasaran.

Kerajaan juga perlu mendengar segera rintihan pekebun, peladang dan penternak dalam mencari penyelesaian kenaikan mendadak harga input pertanian serta makanan haiwan untuk jangka masa panjang.

Beberapa pakar sekuriti makanan negara mengakui Malaysia mengimport sepenuhnya makanan haiwan seperti dedak dan palet dari luar negara terutama Argentina dan Amerika Syarikat sebab kos menghasilkannya dianggap lebih mahal berbanding mengimport.

Satu lagi masalah besar yang perlu difikirkan kerajaan ialah keseimbangan Malaysia bakal menjadi negara tua dan diduduki majoriti rakyat berusia 60 tahun ke atas pada 2030 berdasarkan laporan Jabatan Perangkaan Negara.

Justeru, sukar untuk menyelesaikan masa sekuriti makanan negara jika tiada kesungguhan politik untuk mengukuhkan daya saing sistem rantai pengeluaran serta perbekalan makanan asas rakyat.

Namun persoalan paling penting ialah nasib golongan petani muda yang mewarisi industri pertanian akan terus mengalami kerugian dan terkesan dengan langkah pengeluaran AP pertanian secara tidak terkawal.

\*Khairil Anwar Mohd Amin ialah wartawan Sinar Premium



**TARIKH****MEDIA****RUANGAN****MUKA  
SURAT**

7/12/2021

BERITA  
HARIAN

MUKA DEPAN

1



## 'UrbanKit' bantu ringankan belanja dapur

Pengunjung meninjau tanaman yang diusahakan peserta projek tanaman sayur guna kaedah akuaponik atau 'UrbanKit' di perkarangan Masjid Al-Hasanah, Bandar Baru Bangi. Selain menjana pendapatan sampingan dan membantu golongan memerlukan, sayur dihasilkan melalui penggunaan 70 unit 'UrbanKit' ini dapat menjimatkan kos perbelanjaan dapur peserta sehingga RM5,600 sebulan.

**Nasional 4**

(Foto Mohamad Shahril Badri Saali)

# UrbanKit bantu jimat belanja, jana pendapatan

Sistem tanaman pintar mampu hasilkan sayuran, bekalan ikan lebih bersih, berkualiti

Oleh Fahmy A Rosli  
fahmy.azril@bh.com.my

**Bangi:** Usaha menanam pelbagai jenis sayur-sayuran menggunakan 70 unit UrbanKit di pekarangan Masjid Al-Hasanah di sini, bukan setakat memanfaatkan ruang yang ada, malah menjana pendapat sampingan, seterusnya menjimatkan perbelanjaan dapur setiap pesertanya.

UrbanKit adalah sistem tanaman pintar akuaponik, iaitu gabungan kaedah akuakultur dan hidroponik yang menghasilkan sayur secara organik tanpa penggunaan racun.

Nazir Masjid Al-Hasanah, Mohd Safian Abdul Rahman, 47, berkata seunit UrbanKit mampu menghasilkan bekalan sayur yang dapat menjimatkan perbelanjaan dapur setiap peserta sebanyak kira-kira RM80 sebulan.

Beliau berkata, anggaran kos perbelanjaan barang dapur itu diperolehi berdasarkan kajian impak oleh penyelidik Pusat Ekonomi dan Sains Sosial dari Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI).

"Seramai 104 peserta yang terdiri daripada golongan berpendapatan 40 peratus terendah (B40), asnaf dan pelajar tahfiz terlibat dalam projek ini. Mereka bukan datang dan petik hasil sahaja, tetapi belajar menanam, selenggara dan tuai hasil.

"Unjuran pendapatan sampingan yang diperolehi berjumlah RM156 sebulan boleh diraih peserta. Projek turut mendapat kerjasama Koperasi Al-Hasanah yang membantu peserta memasarkan hasil pertanian.

"Sejak dilaksanakan pada awal Jun lalu hingga sekarang, projek UrbanKit di Masjid Al-Hasanah berjaya merekodkan penjimatan kos perbelanjaan dapur kira-kira

RM39,200," katanya kepada *BH*. Inovasi UrbanKit, berbentuk seperti rak kotak bertingkat adalah inisiatif MARDI yang menyediakan kepakaran teknikal dan bekerjasama dengan Masjid Al-Hasanah untuk membantu komuniti B40 dan asnaf di kawasan Bandar Baru Bangi.

Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) pula memperuntukkan RM150,000 dalam bentuk geran untuk melaksanakan projek berkenaan.

Seunit UrbanKit berharga sekitar RM1,700, mengandungi empat kotak diperbuat daripada plastik tahan lasak dengan tiga daripadanya dikhususkan untuk tanaman sayur; manakala satu lagi sebagai tangki ikan.

Ia yang turut dilengkapi sistem penapis bio, pam air dan alat pemberi makan ikan automatik menggunakan tenaga elektrik untuk memastikan air mengalir setiap masa.

Ketua Muslimat Masjid Al-Hasanah, Latifah Amir, 64, yang turut menyertai projek itu, berkata pelbagai jenis sayur ditanam menggunakan kaedah berkenaan, antaranya bayam Brazil, pak choy, kangkung, kesum, tomato, terung, bendi, cili, salad, pegaga dan pudina.

Bekas guru itu menjelaskan, sayur yang tumbuh terbukti organik dan menepati konsep teknologi hijau kerana tidak menggunakan baja kimia, selain ra-



Ketua Projek UrbanKit, Mohd Johaary Abdul Hamid, menunjukkan pelbagai sayuran yang ditanam di pekarangan Masjid Al-Hasanah, Bandar Baru Bangi. (Foto Mohamad Shahril Badri Saali/BH)



Mustakim Rahim menunjukkan ikan yang ditanam menggunakan kaedah UrbanKit.

sayu lebih sedap, manis serta waktu tuai seminggu lebih awal berbanding kaedah konvensional.

"Sistem ini juga menjimatkan penggunaan air untuk penyiraman kerana hanya menggunakan 10 peratus air berbanding kaedah konvensional. Saya juga mampu menjimatkan perbelanjaan dapur jika membeli sayur di pasar sehingga RM35 sebulan," katanya.

Selain sayur, terdapat tiga jenis ikan ditanam menggunakan sistem UrbanKit, iaitu ikan keli,

tilapia merah dan puyu kukum.

Sementara itu, Imam 2 Masjid Al-Hasanah, Sabman Salleh, 37, berkata keistimewaan sistem UrbanKit adalah kerana ia dilengkapi tangki untuk memelihara ikan yang najisnya boleh digunakan semula menjadi baja untuk tumbesaran sayur.

"Jika kita balik kampung atau berada di luar kawasan, kita boleh menggunakan *auto fish feeder* iaitu alat yang digunakan untuk memberi makan secara automatik yang sangat mudah dikendalikan," katanya.

## Reaksi

Sistem UrbanKit dilengkapi tangki untuk memelihara ikan yang najisnya boleh digunakan semula menjadi baja untuk tumbesaran sayur.

Sabman Salleh,  
Imam 2 Masjid  
Al-Hasanah

Saya juga mampu menjimatkan perbelanjaan dapur jika membeli sayur di pasar sehingga RM35 sebulan.

Latifah Amir,  
Ketua Muslimat  
Masjid Al-Hasanah



Kaedah tanaman UrbanKit mampu menghasilkan ternakan ikan dan tanaman sayur yang lebih berkualiti.

(Foto Mohamad Shahril Badri Saali/BH)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
7/12/2021	HARIAN METRO		17

**Kuala Lumpur:** Walaupun sumbangan sektor pertanian secara relatifnya kepada ekonomi dan perdagangan Malaysia semakin mengecil dari tahun ke tahun, sektor ini kekal signifikan terutamanya sebagai pembekal utama makanan serta bahan mentah kepada industri berasaskan sumber, demikian menurut Jabatan Perangkaan Malaysia.

Ketua Perangkawan Datuk Seri Dr Mohd Uzir Mahidin berkata sektor pertanian muncul sebagai sektor kedua terpenting perdagangan Malaysia pada 2020 dengan sumbangan 6.8 peratus, mengatasi perdagangan hasil perlombongan sebagai mana dilaporkan dalam *Malaysia Trade Statistics Review* (MTSR) 2021.

“(Berikutan kepen-

## Pertanian sumbang 6.8% kepada perdagangan negara

tingannya itu), usaha penyelidikan perlu dipertingkatkan ke arah teknologi mampan untuk meningkatkan pengeluaran dan kualiti barangan berasaskan pertanian, seterusnya memenuhi keperluan penduduk dan permintaan pasaran dunia,” tambah Mohd Uzir dalam satu kenyataan, semalam.

Mengulas laporan itu, beliau berkata, MTSR edisi 2021 ini mensintesis prestasi dagangan Malaysia bagi sektor pertanian yang meliputi pengeluaran pertanian terpilih iaitu minyak kelapa sawit, getah asli, makanan

laut, beras di samping indikator lain yang berkaitan sektor pertanian seperti pelaburan, guna tenaga dan pengeluaran.

“Sektor pertanian pernah menjadi penyumbang utama ekonomi Malaysia berbandarkan kepada komoditi getah namun pada 1980-an, sektor pembua-

tan muncul peneraju, diikuti kebangkitan ekonomi berasaskan perkhidmatan pada 1990-an.

“Sumbangan keluaran pertanian kepada jumlah dagangan Malaysia pada 1990 ialah 13.7 peratus, merosot kepada 6.8 peratus pada 2020,” katanya.

Menurut Mohd Uzir, minyak sawit mendominasi perdagangan sektor pertanian Malaysia sejak 1990 dan pada 2020, ia menyumbang masing-masing 25.8 peratus dan 34.3 peratus kepada pengeluaran dan eksport minyak kelapa sawit dunia.



“  
Sektor pertanian pernah menjadi penyumbang utama ekonomi Malaysia

Dr Mohd Uzir

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
7/12/2021	HARIAN METRO	LOKAL	10

# Telur puyuh gergasi mula laris

Catat jualan dalam talian sebanyak 20,000 biji sebulan dengan harga berpatutan 30 sen sebiji

Jasin

**T**elur puyuh 'gergasi' baka dari Perancis yang diusahakan oleh Pembangunan Pertanian Melaka Sdn Bhd (PPMSB) sejak dua bulan lepas, semakin mendapat permintaan tinggi biarpun dipasarkan secara dalam talian.

Ketua Pegawai Eksekutifnya Datuk Muhammad Muhaimin Low Abdullah berkata telur yang bersaiz lebih besar daripada telur puyuh tempatan itu dijual dengan harga berpatutan RM0.30 sebiji dan mencatatkan jualan lebih 20,000 biji sebulan.

"Sehingga kini terdapat kira-kira 615 ekor puyuh yang diternak dan mampu menghasilkan kira-kira 400 hingga 500 biji sebari namun jumlah itu masih tidak dapat menampung permintaan tinggi.

"Kita juga bercadang untuk menambah 1,000



TELUR puyuh baka dari Perancis yang diusahakan oleh Pembangunan Pertanian Melaka Sdn Bhd (PPMSB) sejak dua bulan lepas semakin mendapat permintaan tinggi biarpun dijual secara atas talian.



MUHAMMAD Muhaimin menunjukkan telur puyuh 'gergasi' baka dari Perancis.



Kita juga bercadang untuk menambah 1,000 ekor puyuh untuk diternak pada akhir tahun ini"

Muhammad Muhaimin  
ekor puyuh untuk diternak pada akhir tahun ini bagi memperluaskan pasaran hasil telur puyuh di sekitar negeri ini selain merancang untuk menambah produk sejuk beku daging puyuh," katanya di Semujuk di sini.  
Muhammad Muhaimin

berkata pihaknya menerima tempahan telur puyuh setiap hari terutamanya dari kedai telur puyuh *giant egg* dan restoran tomyam selain menyediakan perkhidmatan penghantaran sekitar Melaka.

Beliau berkata penjagaan menternak burung puyuh itu tidaklah begitu sukar namun perlu memastikan kawasan di sekeliling sangkar tidak mengalami gangguan seperti bunyi bagi mengelak puyuh daripada mengalami tekanan sekali gus mengganggu proses pengeluaran telur.

Katanya kebiasaan puyuh betina akan bertelur sebiji sehari di antara waktu 3 petang hingga 8 malam dan sekiranya puyuh tersebut tertekan, ia akan menyebabkan telur dihasilkan kecil atau langsung tidak dikeluarkan telur.

"Apabila jumlah telur puyuh dikutip berkurangan kita akan mengetahui masalah itu seterusnya akan memberi ubat untuk menghilangkan tekanan burung ternakan itu," katanya.

Dalam pada itu Muhammad Muhaimin berkata PPMSB turut menjual daging lembu yang diternak secara integrasi di bawah program #segardariladang bermula sejak awal tahun ini dengan harga RM30 sekilogram menerusi kaedah tempahan secara dalam talian.

Katanya inisiatif jualan terus dari ladang juga, antara usaha meringankan beban pengguna akibat kenaikan harga barangan keperluan dan pelanggan perlu membuat tempahan awal bagi menjamin kualiti dan kesegaran daging yang dijual kepada pengguna.

# Kerajaan perlu manfaat teknologi baharu pertanian

## Inisiatif tangani kekurangan hasil, kenaikan harga bahan makanan

Oleh Latifah Arifin  
latifah@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Kerajaan dan agensi berkaitan di bawahnya perlu memanfaatkan secara optimum dan efisien teknologi baharu berkaitan sektor pertanian dalam usaha menangani isu kekurangan bekalan hasil tani negara serta kenaikan harga bahan makanan yang membebankan pengguna.

Presiden Persatuan Kebangsaan Pekebun-Pekebun Kecil Malaysia (PKPKM), Datuk Aliasak Ambia, berkata teknologi yang ada ketika ini dilihat tidak dimanfaatkan sebaiknya dengan pelbagai kelompokan dikesan, sedangkan ia bukan benda baharu.

"Teknologi dalam pertanian bukan perkara baharu, sejak dulu pelbagai penyelidikan dibuat, tetapi isunya apabila sampai proses pelaksanaan, praktikaliti tiada.

"Sebelum buat projek pertanian (guna teknologi terkini), sepatutnya pihak berwajib kenal pasti apa yang ingin ditanam, berapa luas tanah diasarakan untuk setiap negeri.

"Misalnya di Negeri Sembilan, akan tanam hasil tani yang bagaimana, berapa lama tempoh untuk mendapat hasil dan lokasi

Pertanian pintar tingkat hasil sayur 10 kali ganda



Keratan akhbar BH semalam

bersesuaian.

"Bukan apabila sesak, dengan keadaan negara berdepan kekurangan makanan meruncing dan harga makanan naik, baru teknologi baharu ingin diperkenalkan," katanya kepada BH.

Beliau mengulas laporan muka depan BH semalam mengenai inisiatif Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) yang bakal memperkenalkan model pertanian pintar yang boleh dilaksanakan dalam skala kecil, sederhana atau besar sebagai strategi meningkatkan pengeluaran sayur-sayuran negara, bermula tahun depan.

Inisiatif itu turut bermaulamat menangani isu kekurangan bekalan sayur, perubahan iklim dan bencana alam, sekali gus membantu menstabilkan harga di pasaran.

Aliasak berkata, jawatankuasa khas perlu ditubuh bagi memastikan inisiatif berkenaan dapat dilaksanakan dan mencapai matlamatnya kerana banyak isu perlu dipertimbangkan, antaranya

penyiagaan, ketersediaan tanah bagi mengusahakan kaedah pertanian itu dan latihan kepada individu atau pihak berminat.

"Ini antara tugas Jabatan Pertanian kerana negara ada fasiliti yang diperlukan, tetapi tidak tahu menggunakannya.

"Jika MARDI hendak buat (perkenal teknologi pintar), ia idea yang baik untuk jangka panjang, tetapi agak terlambat terutama untuk selesaikan krisis yang sedang dihadapi," katanya.

Tegas beliau, penelitian semula termasuk pelaksanaan dasar bagi sektor pertanian perlu dibuat secara menyeluruh bagi memastikan setiap strategi diperkenalkan dapat memberi manfaat kepada semua pihak.

Pengerusi Pertubuhan Gerak Tani, Datuk Mazlan Aliman mengesyorkan kaedah pertanian pintar diperluaskan bagi menampung keperluan makanan dalam negara yang berada pada paras membimbangkan dan pada masa sama dapat memberi peluang kepada pengeluar tempatan lebih berdaya

saing. "Selari dengan situasi semasa dunia ke era kelestarian alam sekitar, penanaman guna bahan bersifat organik dan mineral adalah langkah tepat yang perlu dilaksanakan.

"Kebergantungan kepada barang import apabila ada krisis makanan tidak harus diterus-

kan, ia bersifat *ad hoc* dan bukan jawapan kepada jaminan keselamatan makanan.

"Perlu kurangkan import racun dan baja kimia, dengan cara ini ia beri peluang kepada pengeluar produk domestik selain harga lebih mudah dikawal.

"Jika diimport, alasan sering diberikan adalah kos naik, perubahan iklim, krisis kesihatan global dan banyak lagi, bahkan negara juga terdedah kepada manipulasi kartel," katanya.

Mazlan berkata, kaedah pertanian pintar, pertanian tepat (precision farming) dan pertanian dalam bangunan (vertical farming) sudah dilaksanakan secara meluas di negara maju seperti Singapura yang hanya memperuntukkan satu peratus kawasan bagi membangunkan konsep berkenaan untuk menampung keperluan makanan.

Beliau menyarankan syarikat berkaitan kerajaan dan pertubuhan berkaitan seperti PETRONAS, Pertubuhan Peladang Kebangsaan (NAFAS) dan Agro Bank yang mempunyai sumber kewangan kukuh digerakkan dalam skala besar bagi memangkinkan perkembangan pertanian berasaskan teknologi semasa.

"Inovasi dalam teknologi moden harus digembleng dan usahawan tani atau ternak sedia ada yang mengusahakannya dalam kapasiti kecil akibat kekurangan modal perlu dibantu. Beri pembiayaan khususnya geran kepada anak muda melalui agropreneur muda kerana ada belajar pertanian moden, tetapi tiada modal," katanya.

## Reaksi

● Kos guna teknologi pintar mungkin jadi isu kerana ia sistem automatik, tidak banyak guna pekerja atau penjagaan harian. Mungkin lebih baik disasarkan kepada peniaga kerana isu utama perlu ada modal



Nur Jihan Rozali, Peniaga

● Orang ramai boleh memanfaatkan ruang sekitar rumah untuk menyokong inisiatif MARDI ini. Sekurang-kurangnya tanam sayur asas seperti kangkung, bayam, sawi dan salad



Azimio Daud, Penjawat awam

# Rakyat Terengganu beralih kepada 'ikan kotak'

**Kuala Terengganu:** Rakyat Terengganu yang sudah biasa memilih ikan segar sebagai sumber protein utama, terpaksa beralih kepada 'ikan kotak' setiap kali tiba musim tengkujuh.

Ikan kotak adalah istilah sering diguna rakyat Terengganu merujuk produk ikan sejuk beku, sama ada hasil tangkapan nelayan tempatan atau diimport.

Suri rumah, Shidah Abu Bakar, 51, berkata meskipun produk ikan kotak tidak 'manis dan berjus' seperti ikan segar, ia pilihan terbaik untuk dihidangkan kepada keluarga waktu tengkujuh atau ketika kenaikan mendadak harga hasil laut itu di pasaran.

"Sudah lumrah setiap kali musim tengkujuh, ramai nelayan tidak berani ke laut kerana ombak besar dan sangat berbahaya, me-

nyebabkan harga ikan segar meningkat berbanding hari biasa.

"Kalau orang zaman dulu, mereka makan ikan kering atau ikan masin ketika tengkujuh.

"Namun kecanggihan teknologi ketika ini membolehkan kita menikmati ikan sejuk beku.

"Bagi saya ia lebih baik kerana kandungan nutrisi masih tinggi walaupun tidak setanding ikan segar," katanya.

Seorang lagi suri rumah, Khadijah Ahmad, 49, berkata makan ikan kotak ketika tengkujuh tidak menjadi masalah bagi keluarganya kerana anak tiada masalah alergi atau kesihatan biarpun rasa ikan sejuk beku tidak se enak ikan segar.

Berlainan pula bagi pekerja am pejabat, Rosmini Zakaria, 53, yang hanya membeli ikan kotak



Orang ramai memilih ikan sejuk beku sebagai sumber protein berikutan musim tengkujuh di Kuala Terengganu. (Foto BERNAMA)

apabila terdesak, terutama ketika anak mulai jemu makan ayam, telur, sardin dan daging sepanjag musim tengkujuh.

"Saya dan suami lebih suka

memancing di anak sungai berdekatan asalkan ia ikan segar, tapi ada kalanya anak mahu juga ikan laut seperti kembung dan selar.

"Maka terpaksa beli untuk penuhi permintaan mereka.

Sementara itu, Pengarah Kesihatan Terengganu, Datuk Dr Kasamani Embong, berkata pihaknya sentiasa memantau secara berkala kualiti ikan kotak yang dijual dan setakat ini tiada penggunaan asid borik dan formaldehid dikesan pada produk berkenaan di negeri ini.

"Ia tidak digunakan pada ikan kotak kerana sifat tindak balas kimia asid borik lebih berkesan dalam merencat pertumbuhan kulat serta yis.

"Ia kurang berkesan merencat pertumbuhan bakteria, malah proses sejuk beku sendiri satu teknik mampu memanjangkan jangka hayat ikan, daging tanpa perlu tambah bahan kimia lain sebagai pengawet," katanya.

'Ikan kotak' istilah yang sering diguna rakyat Terengganu merujuk kepada produk ikan sejuk beku sama ada hasil tangkapan nelayan tempatan atau diimport

#### KUALA TERENGGANU

**R**akyat Terengganu yang kebiasaannya memilih ikan segar sebagai sumber protein utama kini terpaksa beralih kepada 'ikan kotak' setiap kali tibanya musim tengkujuh.

'Ikan kotak' ialah istilah yang sering diguna oleh rakyat Terengganu merujuk kepada produk ikan sejuk beku sama ada hasil tangkapan nelayan tempatan atau yang diimport.

Suri rumah, Shidah Abu Bakar, 51, berkata, meskipun produk 'ikan kotak' tidak manis dan seanak ikan segar, namun ia adalah pilihan terbaik untuk dihidangkan kepada keluarga ketika musim tengkujuh atau ketika berlaku kenaikan mendadak harga ikan di pasaran tempatan.

"Sudah lumrah setiap kali musim tengkujuh, ramai nelayan

tidak berani turun ke laut kerana ombak besar dan sangat berbahaya. Senario ini menyebabkan harga ikan segar meningkat berbanding hari-hari biasa.

"Kalau orang zaman dahulu, mereka makan ikan kering atau ikan masin ketika musim tengkujuh, namun kecanggihan teknologi ketika ini, membolehkan kita menikmati ikan sejuk beku. Bagi saya ia lebih baik kerana

kandungan nutrisinya masih tinggi walaupun tidak setanding ikan segar," katanya di sini.

Seorang lagi suri rumah, Khadijah Ahmad, 49, menjelaskan, makan ikan kotak bagi keluarga tidak menjadi masalah ketika musim tengkujuh kerana anak-anaknya tidak mempunyai sebarang masalah alergi atau kelesihan biarpun rasa ikan sejuk beku tidak seanak ikan segar.



'Ikan kotak' adalah istilah yang sering diguna oleh rakyat Terengganu merujuk kepada produk ikan sejuk beku sama ada hasil tangkapan nelayan tempatan atau yang diimport.

"Ukur baju di badan sendiri... tengok poket sendiri. Bagi saya, perlu bijak membuat pilihan dengan pelbagai pertimbangan antaranya khasiat makanan dan harga yang sesuai dengan kemampuan. Lagipun kalau beli di pasar basah, peniaga jujur beri tahu mana satu ikan segar dan ikan kotak kepada pelanggan," katanya.

Berlainan pula bagi pekerja am pejabat Rosmini Zakaria, 53, yang berpendapat bahawa beliau hanya akan membeli ikan kotak apabila keadaan terdesak terutama ketika anak-anaknya mulai jemu memakan lauk ayam, telur, sardin dan daging sepanjang musim tengkujuh.

"Saya dan suami lebih suka pergi memancing di anak sungai berdekatan asalkan ia ikan segar tapi ada kalanya anak mahu juga ikan laut seperti kembung dan selar. Maka, terpaksa beli untuk penuhi permintaan mereka.

"Kalau boleh memang kami elak beli ikan kotak kerana risau

penggunaan bahan kimia bagi mengekalkan kesegaran ikan yang dikhuatiri mempunyai kesan buruk terhadap kesihatan untuk jangka masa panjang," katanya.

Sementara itu, Pengarah Kesihatan Negeri Terengganu, Datuk Dr Kasemami Embong berkata, pihaknya sentiasa memantau kualiti ikan kotak yang dijual di pasaran secara berkala dan setakat ini tiada penggunaan asid borik dan formaldehid di kesan pada produk berkenaan di negeri ini.

"Ia tidak digunakan pada ikan kotak. Ini kerana sifat tidak basah kimia asid borik lebih berkesan dalam merencat pertumbuhan kulat serta yis, namun kurang berkesan dalam merencat pertumbuhan bakteria.

"Malah, proses sejuk beku ini sendiri adalah satu teknik yang mampu memanjangkan jangka hayat ikan dan daging tanpa perlu menambahkan bahan kimia lain sebagai pengawet," katanya.

**Bernama**